

Pelajaran 1

ADAB BERMUSAFIR

Definisi bermusafir dalam Islam

Dari sudut bahasa: mengharungi perjalanan jauh, lawannya tidak () kata jamaknya ialah ()

Dari sudut istilah: perjalanan jauh dengan niat bermusafir

Dalil naqli (al Quran dan Hadis)

- 1- Memerhati dan mengambil pengajaran pada tanda-tanda kekuasaan Allah swt dan ketelitian ciptaanNya. Firman Allah swt:
"Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, Maka berjalanlah di setiap penjurunya dan makanlah sebahagian dari rezeki-Nya. dan Hanya kepada-Nya-lah kamu (kembali setelah) dibangkitkan".
- 2- Melantik ketua dalam perjalanan jauh apabila bilangannya tiga orang atau lebih.
Dari Abu Said al khudri r.a, bahawa Rasulullah saw bersabda: "Apabila keluar bermusafir tiga orang maka hendaklah salah seorang daripada kamu menjadi ketua" (Hadis riwayat Abu Daud)

Adab seorang muslim ketika bermusafir

Antara seorang muslim yang perlu ada ketika bermusafir adalah seperti berikut:

1. Beristikhrah kepada Allah swt (memohon agar Allah swt memberi pilihan terbaik) tentang waktu bermusafir, berehat, teman seperjalanan dan arah jalan jika banyak jalannya. Juga meminta nasihat tentang perkara tersebut pada orang yang berpengalaman dan baik.
2. Mengucapkan selamat tinggal kepada keluarga, kaum kerabat dan sahabat dengan doa: "Aku serahkan kamu kepada Allah yang tidak pernah menghilangkan simpananNya".
3. Disunatkan seseorang yang ingin bermusafir itu keluar pada hari khamis bermula pada waktu pagi kerana mengikut perbuatan baginda saw.
4. Memperbanyakkan doa ketika dalam perjalanan kerana waktu tersebut waktu yang diperkenankan doanya.
5. Melakukan solat sunat di atas kenderaannya.
6. Bersegera ketika pulang dan tidak memanjangkan tinggal dalam perjalanan jika tidak memerlukan

آداب السفر

الدرس الأول :

❖ تعريف السفر في الإسلام

لغة : قطع المسافات, وضد الحضر. والجمع أسفار.

اصطلاحا : قطع المسافات بنية السفر.

❖ الدليل النقلى على آداب السفر

١ . النظر والاعتبار في آلاء الله سبحانه وتعالى ودقة صنعه. قال الله سبحانه وتعالى :

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ ۗ

وَالِيهِ النُّشُورُ ﴿١٥﴾ (سورة الملك : ٦٧ : ١٥)

٢ . تعيين الأمير في السفر إذا كانوا ثلاثة فأكثر .

عن أبي سعيد الخدري رضي الله عنه, أن رسول الله (ص) قال : إذا خرج ثلاثة في سفر فليؤمروا أحدهم . (رواه أبو داود)

❖ آداب المسلم عند السفر

ومن آداب المسلم التي ينبغي له أن يتحلى بها في السفر ما يلي :

- ١ . يستخير الله سبحانه وتعالى في الوقت والراحة والرفيق وجهة الطريق إن كثرت الطرق. ويستشير في ذلك أهل الخبرة والصلاح.
- ٢ . أن يودع أهله وأقاربه , وأصحابه بدعاء : "أستودعكم الله الذي لاتضيع ودائعه".
- ٣ . يستحب له أن يخرج للسفر يوم الخميس من أول النهار, لفعله (ص).
- ٤ . أن يكثر من الدعاء في السفر , فإنه حري بأن تجاب دعوته.
- ٥ . أن يقيم صلاة التطوع على مركوبه.
- ٦ . أن يتعجل في العودة ولا يطيل المكث في السفر لغير حاجة.

Adab menaiki kenderaan

1. Ketika meletakkan kaki ke kenderaan, ucaplah : (باسم الله) "Dengan Nama Allah"
2. Selepas duduk di atas kenderaan, ucaplah : (الحمد لله) "Segala pujibagi Allah"
3. Kemudian bacalah doa : "Maha Suci Tuhan yang Telah menundukkan semua ini bagi kami padahal kami sebelumnya tidak mampu menguasainya, Dan Sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami".
4. Kemudian ucaplah : (الحمد لله) "Segala puji bagi Allah" 3 kali.
5. Selepas itu, ucaplah: (الله أكبر) "Allah maha besar" 3 kali.
6. Kemudian berdoa :
Maha Suci Engkau, ya Allah! Sesungguhnya aku menzalimi diriku, maka ampunilah aku. Sesungguhnya tidak ada yang mengampuni dosa-dosa kecuali Engkau

Adab-adab ini adalah bersumberkan dari hadis riwayat Ahmad dan Abu Daud daripada Ali r.a, bahawa beliau melihat Rasulullah saw ketawa selepas baginda berdoa agar diampunkan. Lalu beliau bertanya kepada baginda saw mengapa ketawa?. Maka baginda berkata: 'Sesungguhnya, Tuhanmu kagum – redha – kepada hamba-Nya yang berdoa, Wahai Tuhanku! Ampunilah dosa-dosaku, dan dia mengetahui bahawa tidak ada yang dapat mengampuni segala dosa kecuali Aku.

Faedah bermusafir

Faedah bermusafir itu banyak:

1. Menghilangkan kesedihan : berbeza orang (yang ditemui), berlainan pemandangan (persekitaran) dan udara (cuaca) akan menghilangkan kesedihan dan melapangkan dada serta membantu jiwa mengatasi kesedihan
2. Mencari ilmu yang bermanfaat: mencari ilmu akan memudahkan jalan seseorang itu ke syurga. Nabi saw bersabda :

❖ آداب ركوب الحافلة

1. لما وضع الرجل في الحافلة, يقول : باسم الله.
2. وبعد الجلوس عليها, يقول : الحمد لله.
3. ثم يقرأ الدعاء : " سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ ﴿١٣﴾ وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ ﴿١٤﴾ سورة الزخرف ٤٣ : ١٣-١٤
4. ثم يقول الحمد لله , ثلاث مرات .
5. وبعد ذلك, يقول الله أكبر , ثلاث مرات.
6. ثم يقول : سبحانك إني ظلمت نفسي فاغفرلي , فإنه لا يغفر الذنوب إلا أنت .

وهذه الآداب مستمدة من حديث رواه أحمد وأبو داود عن علي, أنه رأى رسول الله ﷺ يضحك بعد أن يدعو بالمغفرة. فسأله عن سببه, فقال : إن ربك يعجب – أي يرضى – من عبده إذا قال : اغفرلي ذنوبي . يعلم أنه لا يغفر الذنوب غيري.

❖ فوائد السفر

فوائد السفر كثيرة :

1. **تفريج الهموم** : فتغيير الوجوه واختلقت المشاهد والأجواء يذهب الهم وينشرح الصدر, ويساعد النفس على تخطي الهموم.
2. **طلب العلم النافع** : فطلبه يسهل طريق طالبه إلى الجنة. قال النبي (ص) : " من سلك طريقا يلتمس فيه علما, سهل الله له طريقا إلى الجنة". (رواه الترميذي)

3. Memperolehi adab/akhlak : apabila manusia mengenali adat dan akhlak yang baik di tempat lain, maka ia akan menjadikannya untuk mencari akhlak/pekerti bangsa tersebut dan mengikutinya seterusnya akan mulialah pekertinya.
4. Bersahabat dengan orang yang mulia : bermusafir ini akan memberi peluang kepada seseorang untuk bersahabat dengan orang baik dan bergaul dengan mereka.

** Peringatan

Imam Syafie berkata dalam buku koleksi syairnya tentang kebaikan bermusafir:

Pergilah bermusafir mencari kemuliaan ,
kerana dalam pengembaraan itu ada lima kelebihan

iaitu menghilangkan kesedihan, membina penghidupan baru ,
memperoleh ilmu , menguatkan jiwa dan dapat bergaul dengan orang mulia

- ٣- تحصيل الآداب : إذا تعرف الإنسان على العادات والأخلاق الحسنة للبلاد الأخرى,
جعل يكتسب من أخلاق شعبها ويقتدي بهم, فتسمو طباعه.
- ٤- صحبة كرام الناس : أتاح السفر الفرصة للمرء بصحبة الأخيار ومخالطتهم .

التذكرة :

قال الشافعي في ديوانه عن فوائد السفر :

وسافر ففي الأسفار خمس فوائد

تغرب عن الأوطان في طلب العلا

وعلم وآداب وصحبة ماجد

تفرج هم واكتساب معيشة

ADAB MENZIARAHI ORANG SAKIT

Definisi melawat orang sakit

Melawat orang sakit ialah menziarahinya. Dinamakannya sebagai melawat kerana manusia berulang alik kepadanya sekali dan seterusnya. Orang Islam yang sebenar sentiasa menziarahi saudaranya yang sakit dan mendoakannya agar sihat sejahtera. Hukumnya adalah sunat mengikut majoriti ulamak. Sebahagian ulamak mengatakan perkara tersebut adalah wajib seperti imam Bukhari yang mana beliau menyebut di dalam kitab sahihnya bab wajib menziarahi orang sakit.

Dalil naqli tentang menziarahi orang sakit

Abu Hurairah r.a berkata: Aku mendengar Rasulullah saw bersabda : “Kewajipan seorang muslim terhadap seorang muslim yang lainnya lima perkara, iaitu: Menjawab salam, menziarahi orang sakit, mengiringi jenazah (ke tanah perkuburan), memenuhi jemputan dan mendoakan orang yang bersin.”

[Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

Dari Abu Musa Al Asy’ari r.a, dari Nabi saw, beliau bersabda: “Berilah makan kepada orang yang kelaparan, ziarahilah orang sakit dan bebaskanlah tawanan”.

[Hadis riwayat Bukhari]

Adab menziarahi orang sakit

Adab menziarahi orang sakit mengikut imam al Ghazali dalam kitab ihya ulumuddin:

1. Duduk sebentar sahaja
2. Sedikit bertanya
3. Menzahirkan kelembutan/kemesraan
4. Mendoakan cepat sihat
5. Menundukkan pandangan daripada melihat aurat orang sakit
6. Tidak mengadap pintu ketika minta untuk masuk dan dilakukan secara sopan
7. Memperkenalkan diri orang yang menziarahi ketika ditanya

آداب عيادة المريض

الدرس الثاني :

❖ تعريف عيادة المريض

عيادة المريض هي زيارته. سميت عيادة لأن الناس يعودون إليه مرة بعد أخرى. فالمسلم الحقيقي يزور أخاه المريض ويدعوه بالصحة والعافية. حكمها سنة عند الجمهور العلماء، وذهب بعضهم إلى وجوبها كالبخاري رحمه الله حيث قال في صحيحة باب وجوب عيادة المريض.

❖ الدليل النقلى على عيادة المريض

- قال أبو هريرة رضي الله عنه : سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول : حق المسلم على المسلم خمس : رد السلام ، وعيادة المريض ، واتباع الجنائز ، وإجابة الدعوة ، وتشميت العاطش .

"رواه البخاري ومسلم"

- عن أبي موسى الأشعري رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : أطمعوا الجائع ، وعودوا المريض ، وفكوا العاني . "رواه البخاري"

❖ آداب عيادة المريض

آداب عيادة المريض عند الإمام الغزالي رحمه الله في إحياء علوم الدين :

- ١ . خفة الجلسة
- ٢ . قلة السؤال
- ٣ . إظهار الرقة
- ٤ . الدعاء بالعافية
- ٥ . غض البصر عن عورات المرضى
- ٦ . عدم مقابلة الباب عند الإستئذان ، ودقة برفق
- ٧ . التعرف على اسم الزائر عند السؤال عنه

Kebaikan menziarahi orang sakit

1. Didoakan keampunan untuknya oleh 70 ribu malaikat

Daripada Abdullah bin Nafi' berkata: Abu Musa al Asy'ari menziarahi al Hasan bin Ali (yang sakit), lalu Ali ra bertanya kepadanya: adakah kamu ini datang kerana melawat orang sakit atau sebagai tetamu, Abu Musa menjawab: bahkan aku datang ini kerana menziarahi orang sakit. Ali r.a berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesiapa yang menziarahi saudara se-Islamnya yang sakit pada waktu pagi, maka 70,000 malaikat akan mengiringinya dan semuanya mendoakan keampunannya sehingga ke petang. Dia juga akan mendapat kebun di syurga. Sekiranya dia menziarahi saudaranya pada waktu petang, maka 70,000 malaikat akan mengiringinya dan semuanya mendoakan keampunannya sehingga ke pagi. Dia juga akan mendapat kebun di syurga (yang penuh dengan buah-buahan yang boleh dipetik pada bila-bila masa)".

[Hadis riwayat Ahmad]

2. Turunnya rahmat Allah ketika ziarahnya

Daripada Jabir bin Abdullah, bahawa nabi saw bersabda: "Apabila seseorang menziarahi orang sakit, maka dia masuk dalam rahmat Allah swt. Apabila dia duduk disamping orang sakit maka dia tenggelam di dalam rahmat tersebut"

(Hadits riwayat Malik)

3. Mendapat keredhaan dan nikmat di syurga

Daripada Abu Hurairah r.a, dari nabi saw bersabda: "Apabila seseorang melawat saudaranya (yang sakit) atau menziarahi saudaranya kerana Allah, maka Allah swt berkata kepadanya: "Alangkah baik kamu, alangkah baiknya perjalananmu, telah tersedia untukmu sebuah rumah di dalam syurga!".

(Hadits riwayat Bukhari dalam kitab Adab Mufrad)

4. Mendapat pahala sepanjang tempoh ziarahnya

Daripada Thauban maula Rasulullah, Sabda Rasulullah SAW: "Sesiapa yang menziarahi saudara se-Islamnya yang sakit, seolah-olah dia berada dalam 'Kharfah' sehinggalah dia pulang." Baginda ditanya: "Wahai Rasulullah, apakah yang dimaksud dengan 'Kharfah' itu?" Rasulullah saw bersabda: "Iaitu kebun di syurga (yang penuh dengan buah-buahan yang boleh dipetik pada bila-bila masa)". [HR Muslim]

Doa (untuk orang sakit) daripada nabi saw:

Nabi saw mengajar orang Islam apabila menziarahi orang sakit hendaklah mendoakan padanya sebanyak 7 kali:

"Aku memohon kepada Allah yang menguasai ArasyNya, semoga dia diberi kesembuhan" (Hadits riwayat at Tirmizi)

فوائد عيادة المريض**١ . يستغفره سبعون ألف ملك**

عن عبد الله بن نافع, قال : عاد أبو موسى الأشعري الحسن بن علي , فقال له علي : أعائدا جئت أم زائرا؟ فقال أبو موسى : بل جئت عائدا. فقال علي : سمعت رسول الله (ص) يقول : من عاد مريضا بكرا, شيعه سبعون ألف ملك كلهم يستغفره حتى يمسي , وكان له خريف في الجنة . وإن عاد مساء, شيعه سبعون ألف ملك كلهم يستغفره حتى يصبح, وكان له خريف في الجنة . (رواه أحمد)

٢ . نزول الرحمة عند عيادته

عن جابر بن عبد الله, أن رسول الله (ص) قال : إذا عاد الرجل المريض, خاض الرحمة حتى إذا قعد عنده قرت فيه . (رواه مالك)

٣ . نيل الرضا والنعمة في الجنة من الله

عن أبي هريرة , عن النبي (ص) قال : إذا عاد الرجل أخاه أو زاره, قال الله له : طبت وطاب ممشاك, وتبوأتم منزلا في الجنة . (رواه البخاري في الأدب المفرد)

٤ . حصول الثواب طول مدة عيادته

عن ثوبان, مولى رسول الله (ص), قال : قال رسول الله (ص) : من عاد مريضا, لم يزل في خرفة الجنة حتى يرجع . (رواه مسلم)

الأدعية المأثورة :

تعليم النبي (ص) للمسلم إذا عاد مريضا أن يقول عنده سبع مرات : " أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يُشْفِيكَ " (رواه الترمذي)

Pelajaran 3

ADAB TETAMU

Definisi tetamu

Dari sudut **bahasa**: *Dhiyafah* adalah kata terbitan daripada *Dhafa*.

Dari sudut **istilah**: *Dhiyafah* ialah kata nama untuk menghormati tetamu dan berbuat baik kepadanya.

Dalil naqli tentang tetamu

-Menghormati/memuliakan tetamu adalah sebahagian daripada iman. Di dalam hadis Abu Hurairah r.a, Rasulullah saw bersabda: "Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia memuliakan tamunya"

(hadis riwayat Bukhari)

-Tetamu adalah antara perkara yang paling tinggi/mulia. Ibnu Abbas berkata: Rasulullah SAW bersabda pada hari baginda berkhotbah kepada orang ramai di Tabuk: "Tidak ada di kalangan manusia (yang mempunyai kedudukan yang tinggi) seumpama seorang lelaki yang memegang (tali kekang) kudanya (mara ke medan perang), dia berjuang di jalan Allah swt dan dia menjauhi kejahatan manusia. Seumpama itu juga Seorang yang tinggal di pedalaman dalam kenikmatan, dia memuliakan tetamunya dan memberikan haknya"

Kedudukan tetamu dalam Islam

Antara perkara yang menjadi kebiasaan orang-orang Arab sebelum dibangkitkan nabi saw adalah sikap memuliakan tetamu. Ini adalah salah satu adat yang baik di kalangan masyarakat jahiliah. Orang yang mempunyai sifat ini maka dia dikenali dengan kedudukan mulia, dan tinggi. Setelah kedatangan Islam, sifat ini diakui, disokong dan menggalakkan umatnya berakhlak sedemikian. Hadis dalam bab ini menunjukkan bahawa memuliakan tetamu adalah tanda kekuatan iman dan kesempurnaannya. Sesiapa yang mengabaikannya adalah bukti kelemahan imannya.

Banyak hadis yang jelas menyuruh menghormati dan mengambil berat terhadap tetamu dan tinggi kedudukannya. Umat Islam telah sepakat tentang hak tetamu ini dan ia adalah antara perkara yang dituntut oleh Islam. Hukumnya adalah sunat sebagaimana yang dijelaskan oleh banyak hadis tentang galakan menjaga hak tetamu.

آداب الضيافة

الدرس الثالث :

❖ تعريف الضيافة

لغة : مصدر ضاف .

اصطلاحا : هي اسم لإكرام الضيف والإحسان إليه .

❖ الدليل النقلى على الضيافة

- إكرام الضيف من الايمان . وفي حديث أبي هريرة رضي الله عنه, قال النبي صلى الله عليه وسلم : " من كان يؤمن بالله واليوم الآخر , فليكرم ضيفه " (رواه البخاري)

- الضيافة من أرفع خصال درجة . قال ابن عباس : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم يوم خطب الناس بتبوك : " ما فى الناس مثل رجل آخذ برأس فرسه , يجاهد فى سبيل الله عزوجل , ويجتنب شرور الناس , ومثل آخر باد فى نعمة , يقري ضيفه ويعطي حقه " (رواه احمد)

❖ منزلة الضيافة فى الاسلام

إن مما عرف به العرب قبل بعثة خير الأنام هو إكرام الضيف . وهي تعد من العادات الحسنة لدى الجاهلين . فمن تحلى به , عرف بشرف المنزلة وعلو المكانة . ولما جاء الإسلام , أقر هذه الخصلة وأكدها , وحث أمته عليها . ودل حديث الباب على أن إكرام الضيف هو علامة لقوة الإيمان وكمالها . فمن أهملها , فذلك دليل على ضعف إيمانه .

إن الأحاديث متضاربة متظاهرة على الأمر بالضيافة , والاهتمام بها , وعظيم موقعها . وقد أجمع المسلمون على الضيافة , وأنها من متأكدات الاسلام . وحكمها سنة , حيث دلت الأحاديث عنها وأشباهها على الاستحباب وتأكد حق الضيف .

Adab/Etika tetamu dan tuan rumah

Adab tetamu	Adab menerima jemputan	<ul style="list-style-type: none"> * Tidak membezakan antara orang kaya atau miskin untuk menerima jemputan * Tidak boleh menolak jemputan kerana jauh jaraknya * Tidak memenuhi jemputan sekiranya makanan atau tempat itu tidak halal atau ada kesamaran * Menerima jemputan itu bukan bertujuan melunaskan keinginan nafsu perutnya
	Adab menghadiri (rumah seseorang)	<ul style="list-style-type: none"> * Masuk ke rumah dan mengambil tempat yang sesuai * Tidak duduk mengadap pintu bilik yang dihaskan untuk perempuan * Untuk menghadiri sesuatu majlis jika dia berpuasa * Tidak melihat ke arah tempat dihidangkan makanan * Memberi salam dan bertanya khabar itu khususnya kepada orang yang duduk berhampirannya
	Adab meninggalkan (rumah seseorang)	<ul style="list-style-type: none"> * tetamu meninggalkan majlis dengan hati yang tenang. * tidak keluar dari majlis itu kecuali dengan keredhaan dan keizinan tuan rumah
Adab tuan rumah	Adab menjemput seseorang	<ul style="list-style-type: none"> * Jemputan itu hanya untuk orang baik sahaja tidak pada orang fasik (jahat) * jemputan itu bukan bertujuan menunjuk-nunjuk dan berbangga-bangga. * tidak menjemput orang yang sukar untuk memenuhi jemputan tersebut * tidak menjemput kecuali orang yang suka memenuhi jemputan tersebut
	Adab menyediakan makanan	<ul style="list-style-type: none"> * segera menyediakan makanan * mengatur makanan dengan menghidangkan buah-buahan terlebih dahulu Menyediakan jenis makanan yang menarik supaya dapat memenuhi keinginan tetamu
	Adab menghantar tetamu keluar	<ul style="list-style-type: none"> * tuan rumah perlu menghantar tetamunya ke pintu rumah dan ia adalah sunat

آداب الضيف والمضيف

<ul style="list-style-type: none"> - أن لا يميز الغني بالإجابة عن الفقير. - انه لا ينبغي أن يمتنع عن الإجابة لبعده المسافة - أن يمتنع من الإجابة إن كان الطعام أو الموضع من غير حلال أو شبهة - أن لا يقصد بالإجابة قضاء شهوة البطن 	آداب الإجابة	آداب الضيف
<ul style="list-style-type: none"> - أن يدخل الدار, فيأخذ أحسن الأماكن - أن لا يجلس في مقابلة باب الحجرة التي تخصص للنساء - أن يحضر المجلس وان كان صائما - أن لا يكثر النظر إلى الموضع الذي يخرج منه الطعام - أن يخص بالتحية والسؤال من يقرب منه إذا جلس 	آداب الحضور	
<ul style="list-style-type: none"> - أن ينصرف الضيف طيب النفس - أن لا يخرج إلا برضا صاحب المنزل وإذنه 	آداب الإنصراف	آداب المضيف
<ul style="list-style-type: none"> - أن يعمد بدعوته الأتقياء دون الفساق - أن لا يقصد بدعوته المباهاة والتفاخر - أن لا يدعو من يعلم أنه يشق عليه الإجابة - أن لا يدعو إلا من يحب إجابته 	آداب الدعوة	
<ul style="list-style-type: none"> - تعجيل الطعام - ترتيب الأطعمة بتقديم الفاكهة أولاً - أن يقدم أطف ألوان الطعام حتى يستوفي منها من يريد 	آداب إحضار الطعام	
<ul style="list-style-type: none"> - أن يخرج مع الضيف إلى باب الدار, وهو سنة 	آداب الإنصراف	

**** Peringatan:**

Memuliakan tetamu adalah salah satu simbol kesempurnaan iman dan kekuatannya. Memuliakan tetamu bukan hanya memberi makanan dan minuman yang lazat sahaja, bahkan perlu juga menjaga perasaan dan keperluan mereka. Islam meletakkan adab yang mulia bagi para tetamu dan menjadi datang bertamu. Mempraktikkan adab-adab ini akan mendatangkan keredhaan Allah swt dan keampunannya kepada keluarga tuan rumah. Marilah kita amalkan dan melupakannya.

*** Faedah adab tetamu dan tuan rumah**

1. Memberi makanan kepada tetamu adalah antara amalan yang dapat menebuskan dosa.
2. Mencapai keredhaan dan kasih sayang daripada Allah SWT
3. Memuliakan tetamu adalah bukti kuat dan sempurnanya iman tuan rumah
4. menyebarkan kasih sayang, belas kasihan dan semangat persaudaraan di kalangan umat Islam
5. Kehadiran para malaikat akan bersama tuan rumah. Anas r.a berkata: "Setiap rumah yang tidak dimasuki mana-mana tamu itu tidak akan dimasuki oleh malaikat.

التذكرة :

إن إكرام الضيف أحد رمز لكمال الإيمان وقوته .فإكرامهم ليس بتقديم المأكولات والمشروبات المشتهية فحسب, بل يصل إلى مراعاة شعورهم وحاجاتهم. فيضع الاسلام آدابا سامية أمام الضيوف وحين الضيافة. فتطبيقها يجلب رضوان الله ومغفرته لأهل بيت المضيف. هيا نعمل ولا ننساه .

❖ فوائد آداب الضيف والمضيف

- ١ . إطعام الطعام للضيف من الأعمال المكفرة للذنوب
- ٢ . نيل الرضوان والمحبة من الله سبحانه وتعالى
- ٣ . إكرام الضيف دليل على قوة إيمان المضيف وكماله
- ٤ . بث الرحمة والشفقة وروح الأخوة بين المسلمين
- ٥ . حضور الملائكة مع المضيف, قال أنس رضي الله عنه : كل بيت لا يدخله ضيف لا تدخله الملائكة.

Pelajaran 4:

Adab berurusan dengan golongan fakir dan miskin**Definisi golongan fakir dan miskin**

Fuqara' dari sudut **bahasa**: lawan orang kaya. Kata tunggalnya ialah fakir.

Dari sudut **istilah** : orang yang tidak mempunyai apa-apa, dan tidak dapat memenuhi keperluan mereka

Masakin dari sudut **bahasa** : orang yang sedikit hartanya. Kata tunggalnya ialah miskin

Dari sudut **istilah** : orang yang mampu memperolehi harta atau pekerjaan tetapi tidak dapat memenuhi keperluan mereka

Dalil naqli tentang berurusan dengan golongan fakir dan miskin

- Al-Quran:

Allah SWT memerintahkan hamba-hambanya dan menggalakkan mereka agar menyampaikan kebaikan dan kebajikan kepada orang Islam yang lemah, termasuklah golongan miskin.

“Dan berikanlah kepada keluarga-keluarga yang dekat akan haknya, kepada orang miskin dan orang yang dalam perjalanan dan janganlah kamu menghambur-hamburkan (hartamu) secara boros”.

Al-Isra: 17: 26

- Hadis:

Nabi saw menggalakkan agar mencari orang miskin dan menderma kepadanya.

Dari Abu Hurairah ra kata: Nabi saw bersabda: “Orang yang mencari ibu tunggal dan orang miskin adalah seperti orang yang berjuang di jalan Allah swt atau orang yang beribadat di waktu malam dan berpuasa di waktu siang”.

(hadis riwayat Bukhari)

Adab berurusan dengan golongan fakir dan miskin

1. mengasihi dan berbuat baik kepada mereka, sesungguhnya Nabi saw mencintai mereka
2. sentiasa bersedekah kepada mereka, dan jangan membatalkan sedekah kamu dengan mengungkit-ungkit pemberian dan menyakiti mereka.

الدرس الرابع : آداب التعامل مع الفقراء والمساكين

❖ تعريف الفقراء والمساكين

الفقراء لغة : ضد الغني , ومفردها الفقير

اصطلاحا : هم الذين لا يملكون شيئا , ولا يستطيعون أن يكسبوا حاجاتهم

المساكين لغة : من قل ماله , ومفردها المسكين

اصطلاحا : هم الذين يقدرون على مال أو كسب ولكنه لا يكفيهم لحاجاتهم

❖ الدليل النقلي على التعامل مع الفقراء والمساكين

- من القرآن الكريم : أمر الله سبحانه وتعالى العباد وخصهم على إيصال الخير

والإحسان إلى ضعفاء المسلمين, منهم المساكين. " وَأَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ

وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا ﴿٢٦﴾ سورة الاسراء : ١٧ : ٢٦

- من السنة النبوية : حث النبي ﷺ على السعي على المساكين والإنفاق عليهم.

عن أبي هريرة رضي الله عنه, قال : قال النبي ﷺ : الساعي على الأرملة

والمسكين, كالمجاهد في سبيل الله, أو القائم الليل الصائم النهار.

(رواه البخاري)

❖ آداب التعامل مع الفقراء والمساكين

١. حبهم والإحسان إليهم, فإن النبي ﷺ يحبهم

٢. ملازمة التصدق عليهم, ولا تبطل صدقاتك بالمن والأذى

3. Menghantar jemputan kepada golongan fakir dan miskin ke majlis perkahwinan, dan tidak meninggalkan mereka
4. Menjaga hati mereka dengan mempercepatkan permintaan mereka tanpa membuang masa dengan lamanya menunggu.
5. Belas kasihan/berlemah lembut dengan orang yang mempunyai anak-anak dan dengan kanak-kanak
6. Bersabar dalam berurusan dengan mereka sama ada berbentuk perkataan atau perbuatan
7. Bertemu mereka dengan wajah yang manis tidak masam atau pandangan jahat
8. Tidak menyakiti mereka dengan apa cara pun sama ada kata-kata atau perbuatan

Faedah Adab berurusan dengan golongan fakir dan miskin

- 1) Mengikuti Sunnah Nabi saw. Baginda begitu prihatin terhadap golongan fakir dan miskin.
- 2) Berbuat baik kepada orang yang lemah, Allah swt menyukai orang yang berbuat baik (dermawan).
- 3) Turunnya rahmat dari Allah SWT, sesungguhnya Allah swt mengasihani hamba-hambanya yang belas kasihan terhadap orang lain.
- 4) Doa malaikat dengan diberi kekayaan kepada mereka yang bersedekah hartanya kepada golongan yang memerlukan.
- 5) Menggesa umat Islam untuk bersaing/berlumba-lumba dengan amalan kebaikan.

** Peringatan:

Golongan fakir dan miskin adalah golongan yang paling lemah dalam sesebuah masyarakat. Antara sifat muslim yang sebenar adalah berlaku ihsan terhadap mereka, dan berusaha membantu mereka sebagaimana kita suka orang lain berbuat baik kepada kita. Mereka ini akan lebih gembira dengan kebaikan yang kita berikan kepada mereka. Nabi saw bersabda: " Tidak beriman seseorang kamu sehinggalah dia mengasihi saudaranya seperti dia mengasihi dirinya sendiri."

(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

٣. إرسال الدعوة للفقراء والمساكين إلى الولاية، ولا تتركهم

٤. مراعاة قلبهم بتعجيل مرادهم دون تنغيص الوقت عليه بطول الانتظار

٥. الترفق بذوي عيال وصبيان

٦. الصبر في معاملتهم كلاما وفعلا

٧. لقاءهم بطلاقة وجه دون العبوس ولا بالنظر الشر

٨. عدم إيدائهم بكل أنواعه قولاً وفعلاً

❖ فوائد آداب التعامل مع الفقراء والمساكين

١. الاقتداء بسنة الرسول ﷺ، فكان ﷺ قد اهتم بالفقراء والمساكين .

٢. الإحسان إلى المستضعفين، والله سبحانه وتعالى يحب المحسنين

٣. نزول الرحمة من الله سبحانه وتعالى، فإن الله تعالى يرحم عباده الرحماء .

٤. دعاء الملائكة بالخلف لمن تصدق بأمواله للمحتاجين.

٥. حث المسلمين على التنافس بالأعمال الصالحة .

** التذكرة :

إن الفقراء والمساكين هم المستضعفون في مجتمع ما. ومن صفات المسلم الحقيقي هي

الإحسان إلى هؤلاء , والبذل في إعانتهم. كما أننا نحب أن يحسن الناس إلينا, فهم أشد

الفرح بإحساننا إليهم. فهذا الخلق دليل على كمال الإيمان كما ورد في الحديث, قال النبي

ﷺ: " لا يؤمن أحدكم حتى يحب لأخيه ما يحب لنفسه " (رواه البخاري ومسلم)

Pelajaran 5:

Adab di dalam Majlis**Definisi Majlis**

Majlis adalah tempat duduk. Kata jamaknya: Majalis (tempat-tempat perjumpaan). Yang dimaksudkan dengan Majlis di sini ialah pertemuan orang ramai untuk mengingati Allah swt dan untuk pembelajaran.

Dalil naqli

Dari Anas bin Malik, bahawa Rasulullah saw bersabda: Jika kamu melewati taman-taman Syurga, maka berhentilah (duduklah). Para sahabat bertanya: Apakah taman-taman Syurga itu? Baginda menjawab: Majlis mengingati Allah swt.

(hadis riwayat al-Tirmidzi)

Adab di dalam Majlis**1. Memberi ruang di dalam majlis dan tidak duduk di tengah-tengah**

Duduk di tengah-tengah: seseorang itu datang ke majlis, melangkah bahu-bahu orang lain dan duduk di tengah-tengah orang yang hadir tetapi dia tidak duduk di tempat hujung majlis tersebut.

2. Mengambil tempat seseorang dalam majlis

Haram seseorang itu duduk - walaupun di bukan masjid - di tempat orang lain mengikut mazhab Syafie. Jika orang yang duduk itu bangun dengan pilihan sendiri lalu dia duduk di tempat orang tersebut, maka tidak dilarang dia duduk di tempat orang tersebut

3. Memberi salam

Sekiranya seseorang memasuki majlis di mana terdapat kumpulan kecil, maka dia memberi salam, maka itu sudah cukup baginya. Seorang sahaja daripada mereka yang menjawab salam tersebut sudah memadai. Jika mereka itu begitu ramai sehingga tidak sampai salamnya kepada kesemua mereka itu, maka hendaklah dia memberikan salam kepada orang pertamanya ketika dia memasuki majlis tersebut. Orang yang bangun (untuk keluar dari majlis) hendaklah memberi salam juga.

الدرس الخامس : آداب المجلس

❖ تعريف المجلس

المجلس هو موضع الجلوس . وجمعه : المجالس . والمراد بالمجلس هنا اجتماع القوم لذكر الله تعالى والتعليم .

❖ الدليل النقلی

عن أنس بن مالك , أن رسول الله ﷺ قال : إذا مررتم برياض الجنة , فارتعوا . قالوا : وما رياض الجنة؟ قال : حلق الذكر . (رواه الترميذي)

❖ الآداب في المجلس

١ . التفسح في المجلس وعدم الجلوس وسط الحلقة

والجلوس في وسطها : بحيث أن يأتي حلقة, فيتخطى رقاب الناس , ويقعد وسط القوم , ولا يقعد حيث ينتهي المجلس .

٢ . جنب إقامة شخص من مجلسه

يحرّم أن يقيم أحدا ولو في غير المسجد ليجلس مكانه عند الشافعية . فإن قام الجالس باختياره وأجلس غيره , فلا كراهة في جلوس غيره .

٣ . السلام

لو دخل شخص مجلسا فيه جماعة قليلة, فسلم , كفاه . ويكفي أن يرد منهم واحد . وإن كانوا كثيرا بحيث لا ينتشر منهم سلامه, فبیتدئ أول دخوله إذا شاهدهم . ومن قام من المجلس , فعليه أن يسلم أيضا .

4. Membaca kaffarah Majlis dan berdoa

Disunatkan bagi seorang, apabila dia bangkit dari majlisnya untuk berkata: "Maha Suci Engkau ya Allah dan pujian untuk Mu, saya bersaksi bahawa tidak ada tuhan melainkan Engkau, saya mohon keampunan Mu dan bertaubat kepada Mu, sesungguhnya Dialah yang mengampunkan untuknya selama mana seseorang itu berada di dalam MajlisNya.

Faedah menghadiri majlis (mengingati Allah swt)

1. Turunnya ketenangan, kedamaian dan keharmonian
2. Pengampunan dosa dan penggantian perbuatan buruk dengan perbuatan baik
3. Allah swt menyebut mereka ini kepada malaikat yang ada bersamaNya, iaitu penghuni langit dunia
4. Allah swt dan para malaikat berbangga dengan ahli zikir
5. Kehadiran para malaikat yang berjalan di muka bumi mencari majlis mengingati Allah dan memuliakan/melindungi ahli majlis tersebut.

٤ . كفارة المجلس والدعاء فيه

يستحب للرجل إذا قام من مجلسه أن يقول : "سبحانك اللهم وبحمدك أشهد أن لا إله إلا أنت, أستغفرك وأتوب إليك. فإنه يغفر له ما كان في مجلسه .

❖ فوائد حضور المجلس

- ١ . نزول السكينة والطمأنينة والوقار
- ٢ . مغفرة الذنوب وتبديل السيئات بالحسنات
- ٣ . يذكرهم الله سبحانه وتعالى فيمن عنده, أي اهل السماء الدنيا
- ٤ . مباهاة الله سبحانه وتعالى والملائكة بأهل الذكر
- ٥ . حضور الملائكة السيارين في الأرض يطلبون حلق الذكر وحفوا أهلها .

Pelajaran 6:

ADAB JUAL BELI**Definisi jual beli**

Dari sudut **bahasa**: Pertukaran sesuatu dengan sesuatu yang lain. Sama ada berbentuk harta atau tidak.

Dari sudut **istilah syarak**: Pertukaran sesuatu harta dengan harta yang lain mengikut cara tertentu.

Dalil naqli tentang jual beli**- Al-Quran:**

Jual beli adalah akad/kontrak yang dibenarkan oleh Allah SWT kepada umat Islam, firman Allah swt:

"Allah Telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba".

(Surat Al Baqarah 2: 275)

- Hadis :

Jual beli adalah antara perkara yang boleh mengurangkan manusia meminta-minta. Daripada Zubor bin al Awwam r.a, dari nabi Rasulullah SAW bersabda: seseorang di antara kamu mengambil tali, kemudian dia membawa datang seberkas kayu bakar di belakangnya, dan menjualnya, perkara tersebut mengalihkan wajahnya dari meminta-minta (mencukupkan keperluannya), maka itu lebih baik baginya daripada meminta kepada orang lain, sekiranya orang itu ingin memberi maka diberikan kepadanya atau tidak diberikan kepadanya". (hadis riwayat Bukhari)

Adab/Etika berjual beli

1. **Berlapang dada dalam berjual beli**: Perkara tersebut akan memudahkan penjual dalam menentukan harga, dan dia akan mengurangkan harga tersebut. Juga memudahkan memudahkan orang yang sukar bertolak ansur dengan harga, dan diberi tempoh sehingga masa yang memudahkannya untuk bertolak ansur.
2. **Jujur dalam berurusan**: tidak berbohong dalam memberitahu jenis barangan, barang yang bermutu atau sumber yang menghasilkannya dan sebagainya. Penjual memberitahu dengan jujur semua perkara tersebut jika ditanya dan diminta penjelasan.
3. **Tidak bersumpah walaupun benar**: kerana perkara tersebut adalah penghinaan terhadap nama Allah swt.

آداب البيع

الدرس السادس :

❖ تعريف البيع

لغة : مقابلة شيء بشيء. سواء أكانا مالين أم لا .

اصطلاحاً : مقابلة مال بمال على وجه مخصوص

❖ الدليل النقلى على البيع

- من القرآن : "البيع هو عقد أحله الله سبحانه وتعالى للمسلمين. قال تعالى :

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا^ج (سورة البقرة ٢: ٢٧٥)

- من السنة النبوية : البيع من الأمور التي يستضعف الناس بها عن المسألة. " عن

الزبير بن العوام رضي الله عنه، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : لأن يأخذ أحدكم حبله، فيأتي بحزمة الحطب على ظهره، فيبيعها، فيكف وجهه، خير له من أن يسأل الناس، أعطوه أو منعوه". (رواه البخاري)

❖ آداب البيع

١. **السماحة في البيع الشراء** : وذلك بأن يتساهل البائع في الثمن، فينقص

منه. وأن يتساهل مع المعسر بالثمن، فيؤجله إلى وقت يساره.

٢. **الصدق في المعاملة** : بأن لا يكذب في إخباره عن نوع البضاعة ونفاساتها،

أو مصدر صنعها ونحو ذلك. بل يصدق في كل هذا فيما لو سئل وينصح.

٣. **عدم الحلف ولو كان صادقا** : لأن في ذلك امتهاناً لاسم الله سبحانه وتعالى.

4. **Banyak bersedekah di pasar dan ketika berjual beli:** Semoga amalan ini menjadi penghapus dosa yang mungkin berlaku seperti bersumpah yang tidak disedari, penipuan disebabkan kecacatan barangan yang tidak dijelaskan oleh penjual, penipuan dalam harga, buruk akhlaknya atau perkara-perkara seumpamanya.
5. **Menulis/mencatat:** terutamanya jika jual beli itu secara bertanggung atau berkaitan dengan hutang. Perkara tersebut lebih menjamin hak, dan menambahkan kepercayaan dan kerjasama di kalangan umat Islam.
6. **Pernyaksian / saksi:** Ini adalah sunat (digalakkan) dan jika tidak ada dalam urusan tersebut berkaitan hutang. Ini supaya tidak berlaku penolakan akad (kontrak) atau sesuatu dari syarat-syaratnya dan seterusnya menimbulkan perselisihan dan perbalahan.

- ٤ . الإكثار من الصدقات في الأسواق وحال البياعات : عسى أن يكون ذلك تكفيرا لما قد يقع من حلف لم ينتبه إليه، أو غش بسبب عيب لم يفتن البائع إلى بيانه، أو غبن في السعر، أو سوء خلق، أو ما إلى ذلك.
- ٥ . الكتابة : لاسيما إذا كان البيع بالنسيئة أو ما يتعلق بالدين . ففي ذلك مزيد من الضمان للحق، وتمتين للثقة والتعاون بين المسلمين .
- ٦ . الإشهاد : وهذا مستحب ولولم يكن في ذلك تداين . كي لا يقع إنكار للعقد أو شيء من شروطه، فيحصل النزاع والتخاصم .

٦. تعليم الطلاب عن أهمية الحفاظ على البيئة في المدرسة

Pelajaran 7:

Adab ketika bersama dengan alam sekitar

Definisi alam sekitar

Alam sekitar ialah sekumpulan unsur semula jadi dan ciptaan manusia yang mengelilingi kehidupan manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Pengarang kamus "mu'jam wasit" mengatakan erti alam sekitar ialah rumah. Beliau juga berkata : alam sekitar itu ialah suasana. Ada yang menyebut: persekitaran alam semula jadi, persekitaran masyarakat dan persekitaran politik.

Dalil naqli tentang menjaga alam sekitar

- Allah SWT melarang melakukan kerosakkan di muka bumi, Firman Allah swt:

"Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, sesudah (Allah) memperbaikinya" Surat Al-A'raaf 7:56

- Nabi saw menggalakkan agar menggunakan alam sekitar: daripada Anas bin Malik r.a berkata: Rasulullah saw bersabda: Tidak ada seorang muslim yang menanamkan suatu tanaman atau menyemai benih, lalu tanaman tersebut dimakan burung, manusia atau binatang, melinkan dia mendapat pahala sedekah.

(Hadis riwayat Bukhari)

Cara memelihara/menjaga alam sekitar

1. Menyahut seruan Islam untuk menghijaukan dan menanam semula hutan
2. Tidak memotong pokok yang berbuah tanpa tujuan yang betul, kecuali pokok yang menghalang jalan orang ramai.
3. Membersihkan halaman di depan bangunan dan rumah, begitu juga kawasan awam.
4. Tidak membuang sampah di kawasan sumber air, sungai dan jalan raya semasa menaiki kenderaan.
5. Mengadakan kempen mengindahkan dan membersihkan kawasan di pelbagai tempat, seperti sekolah, perumahan, kampung dan lain-lain
6. Mengajar pelajar tentang kepentingan memelihara alam sekitar di sekolah

الدرس السابع : آداب التعامل مع البيئة

❖ تعريف البيئة

البيئة هي مجموعة العناصر الطبيعية والاصطناعية التي تحيط بالإنسان والحيوان والنبات . وقال صاحب " المعجم الوسيط " في معنى البيئة: المنزل. وقال أيضا : الحال , يقال: بيئة طبيعية, وبيئة اجتماعية, وبيئة سياسية .

❖ الدليل النقلى على المحافظة على البيئة

- نهى الله سبحانه وتعالى عن الإفساد في الأرض, قال الله تعالى : "وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا " سورة الأعراف ٧:٥٦

- حث النبي ﷺ على خدمة البيئة : عن أنس بن مالك رضي الله عنه , قال : رسول الله ﷺ : ما من مسلم يغرس غرسا, أو يزرع زرعاً, فيأكل منه طير أو إنسان أو بهيمة, إلا كان له به صدقة. (رواه البخاري)

❖ كيفية المحافظة على البيئة

١. إجابة دعوة الإسلام إلى التخصير والتشجير
٢. عدم قطع الأشجار المثمرة لغير غرض صحيح, إلا الأشجار المعترضة في طريق الناس .
٣. تطهير الأبنية أمام الدور والمنازل, وكذا الساحات العامة .
٤. عدم إلقاء القمامات في الموارد المائية والأنهار وعلى الطريق أثناء ركوب المركوبات
٥. إجراء حملة التجميل والتنظيف في أماكن شتى, كالمدارس والمسكن والقريبة وغيرها

Jenis pencemaran alam sekitar

Jenis-jenis pencemaran alam sekitar adalah banyak:

1. Pencemaran udara
2. Pencemaran bunyi
3. Pencemaran tanah
4. Pencemaran cahaya
5. Pencemaran haba
6. Pencemaran air

Cara mengatasi pencemaran alam sekitar

1. Kurangkan penggunaan bahan kimia, seperti penghawa dingin dan penyembur serangga.
2. Kerajaan menetapkan undang-undang yang ketat yang berkaitan dengan jenayah pencemaran alam sekitar.
3. Meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang pencemaran alam sekitar dan bahayanya melalui media massa seperti akhbar, televisyen dan radio.
4. Menggunakan teknologi moden untuk menyelesaikan pencemaran alam sekitar yang pelbagai bentuknya
5. Mewujudkan tong sampah dengan membahagikannya kepada kumpulan tertentu untuk tujuan mengitar semula bahannya, seperti bekas air, kertas dan plastik.

Faedah Adab ketika bersama alam sekitar

1. Keselamatan bumi dan tempat kediaman dari kemusnahan dan kehancuran.
2. Mengurangkan peratusan penyakit berbahaya seperti penyakit taun/kolera.
3. Menarik pelancong asing dari luar negara untuk melawat dan melancong.
4. Mencapai keredhaan Allah swt dan rahmat-Nya.
5. Rakyat hidup dengan aman dan menikmati kehidupan yang sihat.

❖ أنواع التلوث البيئي

أنواع التلوث البيئي كثيرة وهي :

- | | |
|-------------------|--------------------|
| ١ . التلوث الجوي | ٤ . التلوث الضوئي |
| ٢ . التلوث الصوتي | ٥ . التلوث الحراري |
| ٣ . التلوث الأرضي | ٦ . التلوث المائي |

❖ كيفية مقاومة التلوث البيئي

- ١ . تقليل استخدام المواد الكيماوية كالمكيف ورش الحشرات .
- ٢ . التقرير من الحكومة قانونا صارما مرتبنا بجرمة التلوث البيئي.
- ٣ . رفع الوعي لدي المجتمع عن التلوث البيئي وأخطاره من خلال وسائل الإعلام كالجريدة والتلفاز والمذياع.
- ٤ . استخدام التكنولوجيا الحديثة لحل التلوث البيئي بأشكاله
- ٥ . إيجاد سلة المهملات بتقسيماتها إلى المجموعة المعينة لغرض إعادة دوران موادها, مثل القوارير والقراطيس والبلاستيك .

❖ فوائد آداب التعامل مع البيئة

- ١ . سلامة الأرض والمسكن من الهلاك والتدمير .
- ٢ . خفض نسبة مئوية للأولاد الخطيرة كالتطاعون.
- ٣ . جذب السياح الأجانب من خارج البلاد للزيارة والسياحة.
- ٤ . نيل رضوان من الله سبحانه وتعالى ورحمته.
- ٥ . يعيش الشعب في أمان وينتعمون بحياة مصحة.

Pelajaran 8

KASIHAN BELAS TERHADAP BINATANG

Rifq dari sudut Bahasa: lemah lembut dan perbuatan mesra. Kasihan belas terhadap haiwan memerlukan perasaan simpati, lemah lembut, tidak melakukan kekerasan atau berlaku kasar kepadanya.

Dalil naqli tentang belas kasihan terhadap binatang

1. Menggunakannya mengikut peraturan yang telah ditetapkan
2. Belas kasihan adalah digalakkan pada setiap sehinggakan terhadap haiwan. Imam Bukhaari mengeluarkan hadis dari 'Aishah bahawa Rasulullah saw bersabda: " Sesungguhnya Allah swt adalah maha mengasihi dan sukakan sifat lembut dalam setiap perkara.
3. Islam menjanjikan azab bagi mereka yang menyakiti dan menyeksa haiwan. Daripada Ibn 'Umar ra, Rasulullah saw bersabda: "Seorang wanita masuk ke neraka kerana kucing yang diikatnya, dia tidak memberinya makan dan tidak lepaskannya makan serangga bumi. (hadis riwayat Bukhari)

Melayani haiwan dengan Cara yang baik

Islam adalah yang pertama mengajak supaya belas kasihan terhadap haiwan dan haram menyakitinya serta menghilangkan berlaku zalim terhadapnya. Di sana ada yang mendakwa sebagai pemilik haiwan, mereka lupa telah menyeksa binatang. Ini berlaku di kebanyakan negara seperti berlaga ayam di hadapan penonton (orang ramai) yang begitu menyanyatkan hati tanpa belas kasihan serta melakukan pertarungan/perjudian yang diharamkan di Malaysia.

Melaga ayam – begitu menyedihkan – adalah sejenis pertarungan dan ianya tidak dibenarkan. Semua ulama mengatakan perkara tersebut adalah tidak dibenarkan. Haiwan ini mempunyai hak-hak yang telah diperuntukkan dari sudut adab bersamanya dan berbuat baik padanya. Barang siapa yang melaksanakannya maka sesungguhnya dia telah melakukan kebaikan dan barang siapa yang meninggalkannya dan menjauhinya, maka dia telah menyakitinya. Adab-adab tersebut ialah:

الرفق بالحيوانات

الدرس الثامن :

الرفق لغة : لين الجانب, ولطافة الفعل. والرفق بالحيوانات تلزم الرحمة واللفظ, وعدم العنف والقسوة لها.

❖ الدليل النقلى على الرفق بالحيوانات

- الرفق مستحب في كل شيء حتى بالحيوانات. "أخرج البخاري من حديث عائشة أن رسول الله ﷺ قال: إن الله رفيق يحب الرفق في الأمر كله "
- وعد الإسلام العذاب لمن أساء للحيوانات وعذبها. عن ابن عمر رضي الله عنهما, عن النبي ﷺ, قال : " دخلت امرأة النار في هرة ربطتها, فلم تطعمها, ولم تدعها تأكل من خشاش الأرض." (رواه البخاري)

❖ حسن التعامل مع الحيوان

إن الإسلام هو أول من دعا إلى الرفق بالحيوان وحرّم إيذاءه ورفع الظلم عنه. وهناك أناس زعموا أنهم أرباب الرفق بالحيوان, ناسين تعذيبهم له. فوقع ذلك في كثير من البلاد, مثل مناقرة الديكة أمام المشاهدة مؤثرة دون رحمة مع مراهنات محرمة في ماليزيا .

ومناقرة الديكة من أسفه أنواع السبق وهو باطل. ولايختلف أحد من العلماء في عدم جوازها. وللحيوان حقوق تعد من جانب الأدب معه والإحسان إليه. من أداها, فقد عامله تعاملًا حسنًا. ومن تركها وأتقصها, فقد أساء إليه. وهي :

1. Larangan menjadikan haiwan hidup sebagai sasaran untuk dilontarkan sesuatu.
2. Belas kasihan dalam semua keadaan.
3. Tidak membebankannya dengan kerja yang tidak dapat ditanggungnya.
4. Berlaku ihsan ketika menyembelih atau membunuhnya.
5. Jangan menghina atau mengutuk.
6. Tidak membunuhnya kecuali untuk menolak kemudaratannya atau kerana keperluan.
7. Larangan menyiksa, menyakiti atau mengurungnya tanpa diberikan makanan atau minuman dengan tujuan memudaratkannya.

Peringatan :

Diriwayatkan bahawa seorang lelaki masuk syurga dengan keredhaan Allah swt kerana perbuatannya memberi minuman kepada anjing yang dahaga. Daripada Abu Hurairah r.a, dari Nabi saw bersabda: Bahawa seorang lelaki melihat seekor anjing sedang makan tanah kerana kehausan, lalu lelaki tersebut mengambil sepatunya, menceduk air dan memberinya minum sehingga hilang dahaga anjing tersebut. Maka Allah berterima kasih kepadanya dan memasukkannya ke syurga.

(hadis riwayat Bukhari)

١. النهي عن جعل البهيمة الحية هدفا يرمى إليها .
٢. الرحمة في كل أحوال .
٣. أن لا يحمل من العمل ما لا يطيق .
٤. الإحسان إليه عند الذبح أو القتل .
٥. عدم سبه أو لعته .
٦. عدم قتله إلا لدفع ضرر أو لضرورة .
٧. تحريم تعذيبه أو إيذائه أو حسبه بلا طعام أو شراب للإضرار به .

التذكرة :

قد روي أن رجلا يدخل الجنة برضا الله من فعله في إرواء الكلب العطش. عن أبي هريرة عن النبي ﷺ : أن رجلا رأى كلبا يأكل الثرى من العطش, فأخذ الرجل خفة. فجعل يغرف له به حتى أرواه. فشكر الله له, فأدخله الجنة . (رواه البخاري)

ADAB MEMELIHARA KEMUDAHAN AWAM

Definisi kemudahan awam

Kemudahan awam ialah Perkhidmatan awam yang disediakan oleh kerajaan di tempat awam supaya dimanfaatkan oleh rakyat seperti tandas awam, telefon, tong sampah, perhentian bas dan lain-lain.

Dalil disyariatkan menjaga kemudahan awam

Anda sepatutnya tidak berlebih-lebihan dalam apa-apa perkara dalam kehidupan anda. Kemudahan awam adalah dianggap sebahagian dari perihal kehidupan.

Firman Allah swt :

“dan janganlah kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan”. Surah Al-An'am : 141

Orang yang baik ialah orang yang melakukan terbaik dalam semua perkara. Dia menggunakan kemudahan awam dengan cara yang betul. Inilah sifat ihsan yang ditunjukkan dalam hadis Syadad bin Aus r.a: Nabi saw bersabda: Sesungguhnya Allah swt mencatat ihsan bagi setiap perkara.

(hadis riwayat al-Tirmizi)

Adab menggunakan kemudahan awam

1. Menggunakannya mengikut peraturan yang telah ditetapkan
2. Memelihara perasaan orang lain ketika menggunakannya bersama mereka
3. Melaporkan kerosakan kepada agensi/pihak yang bertanggungjawab
4. Bertanggungjawab menjaga keselamatannya
5. Menggunakannya dengan cara tidak berlebih-lebihan dan membazir.
6. Saling menasihati dengan kebaikan dan menunjukkan cara menggunakannya dengan betul

الدرس التاسع : آداب الحفاظ على التسهيلات العامة

❖ تعريف التسهيلات العامة

التسهيلات العامة هي الخدمات العامة التي أعدها الحكومة في أماكن عامة حتى يستفيد منها الشعب، كالمراحيض العامة، والهواتف، ورسائل المهمات، ومواقف الأتوبيس، وغيرها.

❖ الدليل على مشروعية المحافظة على التسهيلات العامة

– ينبغي لك ألا يسرف في أي شأن من شؤون الحياة، وكانت التسهيلات العامة

تعد من شؤون الحياة. قال تعالى : "وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ" ﴿١٤١﴾

"سورة الأنعام ٦: ١٤١"

– المحسن من أحسن أمره في مل شيء، فهو يستعمل التسهيلات العامة استعمالاً

صحيحاً. هذا هو الإحسان الذي أشار إليه حديث شداد بن أوس رضي الله عنه : "قال

النبي ﷺ : إن الله كتب الإحسان على كل شيء" (رواه الترمذي)

❖ آداب استخدام التسهيلات العامة

١. استعمالها وفق نظامها المحدد

٢. مراعاة لشعور الآخرين عند استعمالها معهم

٣. الإخبار عن تلفها إلى الهيئة المسؤولة عنها

٤. أن يكون مسؤولاً للحفاظ على سلامتها

٥. استخدامها بدون إسراف ولا تبذير

٦. التنصيح بالخير والإرشاد إلى استخدامها بشكل صحيح

Faedah Adab Menjaga Kemudahan Awam

1. Orang ramai mendapat manfaat daripada kemudahan awam, terutamanya ketika waktu kecemasan
2. Pelancong dapat menikmati perjalanan mereka ke negara yang menjaga kemudahan awamnya
3. Rakyat yang memelihara kemudahan awam akan mendapat sebahagian daripada tamadun/kemajuan
4. Menjaga kemudahan awam adalah simbol bangsa yang berakhlak mulia
5. Mengurangkan belanjawan kerajaan untuk memperbaiki kemudahan awam

❖ فوائد آداب الحفاظ على التسهيلات العامة

- ١ . استفاد الناس من التسهيلات العامة بكثير لا سيما في أوقات طارئة
- ٢ . إن السياح يتمتعون بجولتهم إلى البلد الذي تحافظ على تسهيلات العامة
- ٣ . إن الشعب الذي يحافظ على التسهيلات العامة قد حظ شطر الحضارة
- ٤ . الحفاظ على التسهيلات العامة رمز لكرامة أخلاق الشعب
- ٥ . خفض ميزانية الحكومة لإصلاح التسهيلات العامة الهالكة